



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

REFLEKSI ANIMASI UPIN DAN IPIN DALAM UJARAN KANAK-KANAK

NUR HIDAYU BINTI JAAFAR

FBMK 2015 101



**REFLEKSI ANIMASI UPIN DAN IPIN DALAM UJARAN
KANAK-KANAK**

Oleh

NUR HIDAYU BINTI JAAFAR

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah
Sarjana Sastera**

Mac 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta© Universiti Putra Malaysia

DEDIKASI

*Selautan kasih dikalungkan buat;
Mak dan Ayah,
Azizah binti Ali
Jaafar bin Hashim
Yang sanggup membesarkanku dan mendidikku
Memerah keringat demi menjadikanku insan berguna
Menitip doa demi kejayaan anakmu
Tiap keringat pengorbanan kalian
Kini mengalir di segenap urat nadiku
Jasa kalian akan ku kenang dan kuhargai
Hingga ke akhir hayatku
Terima kasih mak dan ayah..*

*Sekalung budi buat;
Kakandaku yang dikasih,
Aslidawati Jaafar
Aslina Jaafar
Asmaliza Jaafar
Asmahanin Jaafar
Aslinda Jaafar
Dan tidak lupa juga pada adikku yang disayangi
Muhamad Adha Jaafar
Jalan yang kurintis ini
Untuk kalian merentasi
Kerana menimba ilmu tiada bertepi.*

*Setulus ingatan buat pendidiku;
Jasa kalian terlalu banyak untuk dihitung
Terima kasih atas keikhlasan kalian mencurahkan ilmu pengetahuan
Segala yang ku terima akan menjadi cahaya penyuluh
Untuk menyusur masa hadapan.*

*Seikhlas hati buat teman seperjuangan;
Yang sedia membantu dan membakar semangatku
Untuk kekal berjaya dalam perjuangan
Sokongan yang diberi kukuh bersemadi di dalam hati
Kejayaan hari ini ialah tapak untukku maju selangkah lagi..*

Abstrak tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia bagi memenuhi keperluan untuk ijazah Sarjana Sastera Bahasa Melayu

REFLEKSI ANIMASI UPIN DAN IPIN DALAM UJARAN KANAK-KANAK

Oleh

NUR HIDAYU JAAFAR

Mac 2015

Penyelia : Profesor Madya Normaliza Abd Rahim, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini membincangkan refleksi ujaran kanak-kanak yang dipengaruhi oleh penggunaan alat multimedia, iaitu DVD filem animasi Upin dan Ipin yang bertajuk "*Geng Pengembaraan Bermula*". Kajian ini bertujuan mengenal pasti refleksi ujaran kanak-kanak yang dianalisis mengikut teori Brown & Yule (1983) dan membincangkan refleksi ujaran yang dihasilkan oleh kanak-kanak selepas menonton filem animasi *Upin dan Ipin* serta menganalisis setiap ujaran yang dihasilkan oleh pelajar berteraskan teori Brown & Yule (1983). Sampel kajian terdiri daripada pelajar tahun tiga daripada pelajar sekolah rendah di Putrajaya. Seramai 21 orang pelajar diambil sebagai sampel. Pemilihan sampel dibuat secara kouta. Dalam kajian ini, DVD Filem Animasi Upin dan Ipin digunakan sebagai alat rangsangan supaya kanak-kanak menghasilkan ujaran dalam perbualan mereka. Filem animasi Upin dan Ipin akan ditayangkan kepada pelajar dan seterusnya perbualan yang dilakukan oleh setiap pelajar akan dirakam. Kaedah pemerhatian yang digunakan adalah untuk melihat reaksi kanak-kanak dalam usaha mengujarkannya sesuatu bagi menyampaikan kefahaman masing-masing berdasarkan animasi *Upin dan Ipin* terbitan Les Copaque Sdn Bhd. Pada masa yang sama, pelajar akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan, setiap satunya terdiri daripada empat hingga lima orang untuk berkomunikasi antara mereka bagi menghasilkan ujaran yang dikehendaki dan mereka juga akan ditemu bual berkaitan dengan jalan cerita yang terkandung dalam filem animasi *Upin dan Ipin*. Perbualan kanak-kanak dirakamkan dan dianalisis menggunakan Teori Brown & Yule (1983) berdasarkan prinsip yang digariskan oleh Brown & Yule (1983) dalam penganalisan wacana lisan. Data yang diperolehi dianalisis dengan mengklasifikasikan setiap ujaran mengikut prinsip ujaran tertentu. Analisis membuktikan bahawa ujaran kanak-kanak mempunyai pelbagai makna dan mematuhi prinsip ujaran yang tertentu. Selain itu, kanak-kanak berupaya menghakis rasa malu dan rendah diri untuk menghasilkan ujaran. Kajian turut memperlihatkan bahawa penggunaan animasi merupakan salah satu cara untuk melatih kanak-kanak untuk berbicara dengan yakin. Perkara ini terbukti apabila kanak-kanak mampu menyampaikan pendapat, isi hati, informasi dan menceritakan kembali jalan cerita animasi yang mereka tonton sekaligus menunjukkan daya ingatan mereka terhadap sesuatu cerita yang dilihat adalah memberangsangkan. Tuntasnya, kanak-kanak berupaya menghasilkan ujaran dengan yakin apabila wadah yang digunakan untuk merangsang mereka bercakap adalah dengan cara yang betul.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment
of the requirements for the degree of Master of Arts

UPIN AND IPIN ANIMATION'S REFLECTION IN CHILDREN'S UTTERANCES

By

NUR HIDAYU JAAFAR

March 2015

Supervisor : Profesor Madya Normaliza Abd Rahim, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

The study explores the reflection of utterances among children through the usage of multimedia resources – the DVD of Malaysian-based animation film entitled “*Geng Pengembaraan Bermula*” by Les Copaque Sdn. Bhd. The study is designed to identify the utterances reflection produced by children whereby the analysis was done using Brown & Yule (1983) theory. It also discusses on the utterances reflection produced by the children after watching the animation film of Upin and Ipin, as well as analysing each of the utterances according to the theory of Brown and Yule (1983). A total of 21 standard three pupils from a primary school in Putrajaya were recruited for the study. The selection of samples was done through purposive sampling. In this study, the animation film was used as a tool to stimulate pupils’ utterances in their casual interactions. The animation film of Upin and Ipin was shown to the pupils and the interactions done by each samples were recorded. The observation was carried out to monitor the reactions of the children in expressing their comprehension from watching the animation film. At the same instant, the pupils were divided into groups of four to five members to communicate with one another, in order to allow them to produce the desired utterances. Besides that, the pupils were also interviewed to share their understanding on the storyline of the Upin and Ipin film. The conversational data were then analysed using Brown and Yule (1983) principle of discourse analysis. The data were classified into each of the utterances principles. The analysis has proven that children utterances carried different meanings and they also followed specific principles. Moreover, the children were able to reduce shyness and low self-esteem in speaking. The study has also shown that one of the ways to enhance communication skills in children is through the usage of animations. Evidently, it can be seen through the voluntary participation among children when they were able to share thoughts, feelings, information, and also demonstrate their memory ability to retell the story. All in all, children’s ability to produce accurate utterances could be achieved through the use correct methods.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana hanya dengan izin dan limpah kurnia-Nya tesis yang bertajuk "*Refleksi Animasi Upin Dan Ipin Dalam Ujaran Kanak-Kanak*" dapat disempurnakan dengan jayanya. Penyelidikan ini merupakan sebahagian syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera (Bahasa Melayu) di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor Darul Ehsan.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada Profesor Madya Dr. Normaliza Abd Rahim yang sangat berdedikasi selaku pengerusi jawatankuasa penyeliaan atas usaha beliau memberi tunjuk ajar, membaca, menyemak, dan memberi nasihat yang amat berguna untuk meningkatkan mutu tesis ini. Tanpa bimbingan beliau sudah tentu laporan penyelidikan ini tidak akan dapat disempurnakan dengan baik. Segala usaha dan pengorbanan masa beliau akan tetap abadi dalam ingatan. Semoga beliau sentiasa diberikan kesenangan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada ahli jawatankuasa penyeliaan iaitu Dr. Hasnah Mohamad dan semua pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang telah banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar, dan mencurahkan segala ilmu sama ada bersifat ilmiah mahupun sebaliknya. Jasa kalian akan saya kenang selamanya.

Sekalung budi juga diucapkan kepada seluruh ahli keluarga terutama kedua ibu bapa saya yang tidak henti memberi dorongan dan semangat sehingga saya berjaya menamatkan pengajian di UPM. Tidak ketinggalan juga terima kasih diucapkan kepada rakan seperjuangan, yang banyak memberikan bantuan sepanjang pengajian di UPM. Penghargaan juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung kerana membantu mendapatkan maklumat penyelidikan, khasnya warga kerja Pusat Dokumentasi Melayu (PDM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Perpustakaan Sultan Abdul Samad Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Utama Universiti Malaya dan Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Akhir sekali, adalah menjadi harapan saya agar hasil penulisan ini dapat menepati matlamat dan mencapai objektif kajian, serta memenuhi kehendak penyelia kursus. Penulisan ini diharap dapat menjadi panduan berguna kepada bakal mahasiswa dan pengkaji yang ingin mendapat gambaran tentang konsep analisis ujaran kanak-kanak dalam bidang Bahasa Melayu. Penulisan ini diharap dapat membuka jalan kepada penyelidik yang lebih tuntas dan mendalam tentang analisis ujaran bahasa dalam bidang lain. Sesungguhnya, penyelidikan ini memberi pengalaman berharga sebagai mahasiswa dan akan menjadi bekal kepada saya dalam meneruskan perjalanan kehidupan pada fasa pekerjaan kelak.

Saya akhiri ucapan penghargaan dengan memetik tafsir ayat suci al-Quran, ayat 11 surah al-Mujadalah yang bermaksud:

"Allah mengangkat orang-orang beriman di antara kamu dan juga orang-orang yang dikurniai ilmu pengetahuan hingga beberapa darjat."

Salam tulus ikhlas,

NUR HIDAYU BINTI JAAFAR
GS37960

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 17 Mac 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nur Hidayu binti Jaafar bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Refleksi Animasi Upin dan Ipin Dalam Ujaran Kanak-Kanak” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Sarjana.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Ahmad Mahmood bin Musanif, PhD

Profesor Madya.
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohammad Fadzeli Jaafar, PhD

Profesor Madya
Universiti Kebangsaan Malaysia
Selangor
(Pemeriksa Luar)

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Normaliza Abd Rahim, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Hasnah Mohamad, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material laian yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integrity ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Nur Hidayu Binti Jaafar (GS37960)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan:

Prof. Madya Dr. Normaliza Abd Rahim

Tandatangan: _____

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dr. Hasnah Mohamad

JADUAL KANDUNGAN

ABSTRAK	Muka Surat
ABSTRACT	i
PENGHARGAAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGAKUAN	v
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	xi
	xii

BAB

I PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Penyataan Masalah	3
1.4	Persoalan Kajian	4
1.5	Objektif Kajian	5
1.6	Kepentingan Kajian	5
1.7	Batasan Kajian	6
1.8	Definisi Operasional	6
1.8.1	Kanak-Kanak	6
1.8.2	Wacana	6
1.8.3	Animasi	7
1.9	Kesimpulan	7

II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	8
2.2	Kajian Berkaitan Ujaran Kanak-Kanak	8
2.3	Kajian Berkaitan Animasi	11
2.4	Kajian Berkaitan Wacana	20
2.5	Kesimpulan	22

III METODOLOGI

3.1	Pengenalan	23
3.2	Reka Bentuk Kajian	23
3.3	Alat Kajian	23
3.4	Kaedah Kajian	24
3.4.1	Pemerhatian	24
3.4.2	Temu Bual	24
3.4.3	Kaedah Kepustakaan	24
3.5	Sampel Kajian	25
3.6	Lokasi Kajian	25
3.7	Prosuder Kajian	25
3.8	Pertimbangan Etika	26
3.9	Teori Kajian	26
3.10	Kerangka Teori Wacana Brown & Yule (1983)	27
3.10.1	Praandaian	28
3.10.2	Implikatur	29
3.10.3	Rujukan	31
3.10.4	Inferens (kesimpulan)	31
3.11	Analisis Data	33
3.12	Kerangka Konsepstual	34
3.13	Kesimpulan	35

IV ANALISIS DAN TAFSIRAN

4.1	Pengenalan	36
4.2	Refleksi Ujaran Kanak-Kanak Melalui Animasi Upin dan Ipin	36
4.2.1	Praandaian	36
4.2.2	Implikatur	42
4.2.3	Rujukan	49
4.2.4	Inferens (kesimpulan)	53
4.3	Rasional Teori dengan Dapatan Kajian Kajian	60
4.4	Implikasi Kajian	60
4.5	Kesimpulan	62

V KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	63
5.2	Rumusan	63
5.2.1	Refleksi Ujaran dari Sudut Praandaian	63
5.2.2	Refleksi Ujaran dari Sudut Implikatur	64
5.2.3	Refleksi Ujaran dari Sudut Rujukan	64
5.2.4	Refleksi Ujaran dari Sudut Inferens (kesimpulan)	64
5.3	Cadangan Kajian Selanjutnya	65
5.4	Penutup	65

BIBLIOGRAFI

67

LAMPIRAN

78

Transkripsi Ujaran Kanak-Kanak

Sinopsis Filem Geng Pengembaraan Bermula

Babak Filem Geng Pengembaraan Bermula

BIODATA PELAJAR

138

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
I. Jadual Ujaran Berunsur Praandaian	36
II. Jadual Ujaran Berunsur Implikatur	42
III. Jadual Ujaran Berunsur Rujukan	49
IV. Jadual Ujaran Berunsur Inferens dan Kesimpulan	53

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
Kerangka Teori Brown & Yule (1983)	27
Kerangka Konseptual	34



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pada hakikatnya kehidupan manusia sememangnya senantiasa terikat pada bahasa. Segala hal yang dilakukan oleh manusia sangat berkait rapat dengan bahasa. Bahasa tidak pernah terlepas daripada segala aktiviti yang dilakukan oleh manusia kerana bahasa merupakan hak milik manusia sebagai ahli penutur dalam sosial budaya (Ibrahim Abd Syukur, 2001:5). Lantaran itu, penggunaan bahasa melengkapkan kehidupan manusia dari segi ilmu pengetahuan, teknologi serta seni dan kebudayaan. Segala unsur ini menggunakan bahasa bagi melengkapkan kehidupan manusia (Oka & Suparno, 1994:1). Lebih-lebih lagi bahasa merupakan wahana ekspresi diri secara individu dan sebagai wahana ekspresi kelompok manusia atau pengungkap kepada budaya. Bahasa juga merupakan sebahagian daripada kebudayaan (Soekarno, 1990:176). Selain itu, bahasa adalah salah satu tanda adanya kehidupan bermasyarakat bagi manusia (Kartomihardjo, 1988:1).

Oleh itu, dengan kemampuan berbahasa, manusia mungkin akan menyumbang kepada perkembangan kebudayaan (Brown & Yule, 1983). Rentetan daripada itu, dapatlah dilihat betapa pentingnya mempunyai bahasa. Justeru, kajian terhadap bahasa boleh dilakukan daripada berbagai sudut dan kajian bahasa dapat dikupas secara terperinci. Menurut Halliday (1985), manusia melakukan sesuatu dengan bahasa, dengan cara bertutur dan menulis, mendengarkan dan membaca dan mereka berharap dapat mencapai banyak sasaran dan tujuan. Seseorang yang menggunakan bahasa harus jelas dengan perkara yang diinginkannya. Manusia menggunakan bahasa untuk memberi dan menerima maklumat. Bahasa mempunyai fungsinya yang tersendiri. Fungsi bahasa ada yang menitikberatkan pada pengungkapan isi atau lebih dikenali sebagai fungsi transaksional dan fungsi bahasa yang terlibat dengan pengungkapan hubungan-hubungan sosial yang sering disebut fungsi interaksional (Brown & Yule, 1983). Kadang kala, seseorang menggunakan bahasa tetapi tidak dapat menyampaikan maklumat yang jitu atau menerima maklumat dengan tepat kerana kemampuannya menggunakan bahasa terbatas. Halliday dalam Sobur (2002:18) menyatakan bahawa salah satu fungsi bahasa adalah untuk memelihara hubungan antara manusia, dengan menyediakan wahana ungkapan terhadap status, sikap sosial, taksiran, penilaian, dan sebagainya. Hal ini menunjukkan interaksi sesuatu bahasa.

1.2 Latar Belakang Kajian

Oleh yang demikian, sangatlah signifikan jika dikatakan bahawa bidang bahasa dan manusia tidak dapat dipisahkan kerana bahasa digunakan dalam kehidupan seharian untuk pelbagai tujuan. Perlu untuk kita amati terdapat juga segelintir individu tidak menyedari peranan dan manfaat bahasa dalam kehidupan seharian mereka. Walau bagaimanapun, ada juga sekelompok manusia yang sedar akan peri pentingnya bahasa

yang mencerminkan budaya selain daripada melancarkan proses komunikasi sesama mereka sehari-hari. Pada sudut yang berlainan pula, bagi mereka yang berkecimpung dalam bidang bahasa maka bahasa dan penelitian terhadap bahasa merupakan sesuatu yang penting bagi mereka. Lantaran itu, salah satu bahan kajian bahasa adalah wacana.

Wacana dapat didefinisikan sebagai rekod pertuturan dalam lakuan komunikasi (Brown & Yule, 1983). Analisis wacana merupakan analisis terhadap bahasa yang digunakan. Ahli bahasa yang menganalisis tentang wacana sudah tentu akan menganalisis tujuan sesuatu bahasa digunakan (Brown & Yule, 1996). Selain itu, analisis wacana dapat menemui keterangan-keterangan dalam data dan dapat medeskripsikannya. Wacana terbahgi kepada dua jenis yakni wacana lisan dan wacana tulisan. Wacana lisan merupakan satu aktiviti komunikasi yang berlaku antara penutur dan pendengar disertai dengan ekspresi wajah, nada suara dan gerak badan. Jika wacana tulisan pula merupakan komunikasi satu arah secara bertulis melibatkan penulis dan pembaca. Menurut Stubbs (1983) analisis wacana merujuk pada keupayaan penggunaan bahasa di atas kalimat atau klausa. Oleh itu, analisis wacana mengkaji kesatuan bahasa yang lebih luas seperti percakapan (wacana lisan) atau teks tulis. Berdasarkan beberapa pengertian analisis wacana, pengertian analisis wacana menafsirkan penggunaan bahasa berkaitan perkara yang ditulis oleh para penulis dalam buku-buku teks, memahami apa yang disampaikan penutur secara lisan dalam percakapan, dan dengan mengemukakan pula konteks yang menyertai teks. Dengan demikian analisis wacana dapat menafsirkan suatu wacana yang tidak terjangkau oleh semantik dan sintaksis. Oleh hal demikian, wacana merupakan salah satu daripada cabang bahasa maka kajian tentang wacana wajar diberi perhatian.

Rentetan itu, selain daripada wacana dunia teknologi maklumat kini memberi impak yang positif kepada kemajuan negara daripada pelbagai aspek antaranya pendidikan. Animasi merupakan salah satu daripada alat teknologi. Justeru, sangat signifikan jika kajian ini akan memberi fokus kepada implikasi positif tentang penggunaan animasi untuk menerangkan nilai positif kepada pelajar. Menurut Kania Anjani (2011), perkembangan animasi saat ini berjalan begitu pantas dalam pelbagai bidang. Animasi tidak hanya digunakan dalam dunia hiburan semata-mata. Lantaran itu, animasi juga boleh dimanfaatkan sebagai wahana media menyampaikan maklumat dengan lebih efisien dari segi waktu dan memberi transformasi baru dalam wahana dunia pembelajaran. Menurut Perzlyo (1993), penggunaan multimedia dalam pembelajaran membolehkan pembelajaran secara signifikan dan menghidupkan suasana penyampaian maklumat. Menurut Azhar Arsyad (2007) pula, animasi didefinisikan sebagai menghidupkan gambar yang mati, menggerakkan gambar yang diam dengan cara membuat metamorfosa dari bentuk ke bentuk selanjutnya dalam durasi tertentu.

Kania Anjani (2011) menyatakan bahawa, animasi memainkan peranan yang sangat penting dalam dunia pembelajaran. Manusia boleh menjadikan animasi sebagai salah satu media pembelajaran yang sangat menarik terutama untuk pelajar. Animasi merupakan salah satu bentuk visual bergerak yang dapat dimanfaatkan untuk menjelaskan sesuatu yang sukar untuk difahami. Tuntasnya, bahasa dan kemajuan teknologi kini saling berkaitan antara satu sama lain dalam penggunaannya oleh manusia. Oleh itu, kajian mengenai bahasa yakni wacana dan kemajuan teknologi yakni animasi sangat relevan jika diteliti dengan mendalam bagi memperoleh dapatan kajian yang jitu tentang kepentingan aspek ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Setiap kajian yang dilakukan sudah semestinya wujud akibat masalah-masalah tertentu yang terjadi dalam persekitaran manusia serta bahasa yang digunakan. Oleh itu, kajian ini turut dilakukan rentetan daripada beberapa masalah yang timbul. Justeru, kajian ini dilaksanakan akibat bertitik tolak daripada pernyataan Perloff (1997) mengutarakan pendapat beliau dengan menyatakan bahawa minda seorang kanak-kanak sangat mudah dipengaruhi oleh bahan media. Hal ini boleh diamati apabila kanak-kanak menonton rancangan di televisyen, mereka pasti akan terikut-ikut dengan apa yang mereka tonton. Justeru, fenomena yang sering berlaku ini amatlah bertepatan jika dikatakan bahan media seolah-olah menjadi guru kepada kanak-kanak tersebut. Oleh itu, kajian ini akan menjadikan teori analisis wacana sebagai landasan untuk mengupas permasalahan ini bagi mendapatkan dapatan yang utuh untuk menjawab objektif kajian yakni, untuk mengenal pasti refleksi ujaran kanak-kanak melalui animasi *Upin dan Ipin* serta menganalisis ujaran kanak-kanak melalui animasi *Upin dan Ipin*.

Sementara itu, Coulthard (1977) mengutarakan bahawa Firth (1935) ada memberi saranan kepada ahli linguistik supaya lebih banyak membuat kajian tentang perbualan. Hal ini dapat dilihat melalui penyataannya "*we shall find the key to a better understanding of what language is and how it works*" (Coulthard,1985:1). Lantaran itu, jelaslah bahawa pengkajian tentang wacana perbualan merupakan salah satu yang menjadi perhatian para ilmuan bukan sahaja ahli linguistik malah juga ahli sosiologis dan antropologi. Maka, kajian ini juga dijalankan bertitik tolak daripada saranan tokoh terdahulu bagi perkembangan kajian tentang bahasa untuk mendapatkan dapatan kajian yang terkini. Rentetan daripada itu, kajian ini akan cuba menjalankan kajian tentang wacana perbualan antara kanak-kanak bagi melihat bahasa kanak-kanak dari aspek analisis wacana.

Tambahan pula, kajian ini dilakukan kerana masalah yang tercetus dalam kehidupan masyarakat yang mengaitkan dunia kanak-kanak dengan perkembangan teknologi. Menurut Goh Chee Leong (2010), segelintir ibu bapa kini enggan membiarkan atau mengizinkan anak mereka bermain dengan menggunakan bahan multimedia. Ini kerana mereka beranggapan bahawa alat multimedia akan membawa pengaruh negatif terhadap proses pembelajaran kanak-kanak tersebut. Dengan itu, kajian ini akan melihat bagaimana alat multimedia merangsang ujaran yang dihasilkan oleh kanak-kanak. Maka, jika diamati sangat relevan kajian ini dijalankan bertitik tolak daripada masalah yang timbul dalam perbualan kanak-kanak dan juga perkembangan multimedia sejagat.

Selain itu, pernyataan masalah kajian ini dapat dilihat melalui petikan daripada tulisan Zulzaidi Mahmud (2008), yang tegas menyatakan bahawa hiburan dapat mengatasi krisis emosi dengan memberikan ketenangan dan menghilangkan kekecewaan, akan tetapi beliau menegaskan bahawa hiburan animasi yang terdapat di kaca televisyen adalah berorientasikan hiburan yang perlu dijauhi oleh kanak-kanak kerana ia bukan mematangkan mereka tetapi menjadikan mereka berfikiran negatif. Namun siaran animasi merupakan siaran yang paling diminati oleh kanak-kanak. Oleh hal demikian, kajian ini akan mengisi lompong kajian Zulzaidi Mahmud (2008) yang hanya memberi fokus kepada impak negatif cerita animasi yang di import dari barat tanpa melihat manfaat serta kegunaan animasi tempatan yang mulai menapak di hati penonton terutama kanak-kanak dalam usaha menerapkan nilai murni dalam diri kanak-kanak itu sendiri. Hal ini berikutan, kartun juga merupakan satu animasi yang dapat membentuk akhlak

dalam kalangan kanak-kanak kerana kebanyakan animasi tempatan iaitu salah satunya *Upin dan Ipin* sarat dengan perlakuan positif dalam watak tersebut. Animasi juga dapat merangsang daya kreativiti kanak-kanak untuk menghasilkan ujaran yang tersendiri.

Pernyataan masalah yang seterusnya bertitik tolak dari tulisan Norainon Othman (2013), yang menyatakan bahawa kebanjiran bahan animasi tidak sekadar hiburan ringan dan dekat di hati si cilik, rancangan animasi di televisyen mungkin medium paling mudah menyalurkan pengaruh negatif kepada golongan yang masih mentah itu. Penggunaan kata kasar, lucah, kelakuan yang tidak baik, jalan cerita mengarut dan tidak bersesuaian dengan norma masyarakat kita yang menjadi bahan tontonan kanak-kanak yang belum bijak menilai (Norainon Othman, 2013). Produk animasi yang diimport dari luar negara kebanyakan dianggap membawa impak yang tidak sihat kepada para penonton kerana jalan cerita yang dihidangkan kurang bersesuaian dengan norma masyarakat Malaysia. Saat ini kebanjiran animasi dari luar negara seperti Jepun dan Amerika Syarikat jelas kelihatan dan mendominasi pasaran dalam industri filem animasi contohnya *Hagemaru*, *Dragon Ball* dan *Batman*. Jika dihitung kembali, hanya sedikit karya animasi daripada anak tempatan yang mendapat tempat dihati penonton. Namun, tidak semua animasi membawa impak negatif. Justeru, kajian ini membuktikan bahawa animasi tempatan mempunyai nilai tambah untuk dijadikan bahan pengajaran iaitu nilai murni, bahasa dan mesej yang berguna agar dapat membantu perkembangan sihat pemikiran kanak-kanak.

Di Malaysia masih sedikit kajian yang dibuat berkaitan dengan impak sesuatu cerita terhadap perkembangan nilai moral kanak-kanak walaupun pelbagai cerita atau siri telah ditayangkan di kaca televisyen yang menarik perhatian kanak-kanak (Rezki Perdani Sawai, Salhah Abdullah, Dini Farhana Baharudin & Noranis Ismail, 2009). Terdapat kajian-kajian lepas yang menyatakan peningkatan kognitif dan pencapaian akademik kanak-kanak membuktikan keberkesanan siri dan cerita *Sesame Street*, *Electric Company* dan *Mister Roger's Neighborhood*. Selain itu, keberkesanan siri dan cerita tersebut juga memberi kesan terhadap nilai-nilai sosial kanak-kanak seperti semangat kerjasama dan interaksi positif (Mares & Woodward, 2001). Walau bagaimanapun, semua cerita tersebut tidak menggambarkan latar belakang budaya Asia tetapi menggambarkan latar belakang budaya Barat. Hal ini menunjukkan sesuatu yang kurang sesuai dengan masyarakat Asia terutama dalam kalangan masyarakat Malaysia. Oleh yang demikian, penting untuk kajian ini mengamati impak animasi dalam bentuk ujaran yang dihasilkan oleh kanak-kanak. Maka, kajian ini perlu melihat hubungan ujaran kanak-kanak berdasarkan animasi *Upin dan Ipin* dengan menjadikan teori analisis wacana yang dipelopori oleh Brown & Yule (1983) sebagai pegangan.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan yang terkandung dalam kajian ini adalah:

1. Apakah refleksi ujaran kanak-kanak melalui animasi *Upin dan Ipin*?
2. Apakah ujaran yang dihasilkan oleh kanak-kanak selepas menonton animasi *Upin dan Ipin* relevan dengan teori wacana Brown & Yule (1983) yang dipilih?

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai objektif, iaitu:

1. Mengetahui pasti refleksi ujaran kanak-kanak melalui animasi *Upin dan Ipin*.
2. Menganalisis ujaran kanak-kanak melalui animasi *Upin dan Ipin* dengan menggunakan teori wacana Brown & Yule (1983).

1.6 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dilakukan haruslah mempunyai kepentingan kepada pelbagai pihak. Begitu juga kajian ini. Kajian seperti ini akan memberi manfaat kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, masyarakat, warga pendidik, penyelidik dan pelajar.

Pertama, kajian ini penting untuk pihak Kementerian Pendidikan Malaysia seterusnya (KPM), dapat mengatur sebarang sukatan pelajaran baharu tentang menggalakkan kanak-kanak mengujar sesuatu dengan yakin dan dari aspek kepentingan animasi dipilih sebagai wahana rangsangan kepada ujaran mereka, pihak KPM dapat melihat bukti keberkesanan animasi itu sendiri dijadikan wahana rangsangan kepada aspek pembelajaran kanak-kanak itu sendiri.

